

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN KHOO SOO SEANG  
[TEBRAU]**

**TARIKH : 18 MEI 2015 (ISNIN)**

**SOALAN :**

**YB Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah langkah-langkah yang dilaksanakan oleh Kerajaan untuk memastikan orang ramai lebih berhati-hati dengan spekulasi dan pemalsuan maklumat mengenai projek PR1MA.**

**JAWAPAN: YB DATO'SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM,**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelbagai modus operandi digunakan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab bagi menipu rakyat berhubung pembangunan perumahan PR1MA. Ingin saya tegaskan bahawa PR1MA tidak pernah melantik pihak ketiga sebagai ejen bagi menguruskan pembelian perumahan PR1MA. Pihak PR1MA juga tidak pernah mengutip wang deposit atau sebarang sumbangan sebagai jaminan bagi mendapatkan rumah PR1MA.

Pihak PR1MA mengambil serius mengenai isu ini. Beberapa inisiatif telah dilaksanakan oleh PR1MA bagi memastikan orang ramai lebih berhati-hati dengan spekulasi dan pemalsuan maklumat mengenai projek PR1MA. Notis pengiklanan di akhbar-akhbar utama tempatan telah dikeluarkan secara berkala untuk memberikan kesedaran kepada orang ramai untuk tidak terjerumus dan menjadi mangsa dalam kes penipuan ini.

Selain itu, di laman sesawang (*website*) PR1MA juga turut dimuat naik dengan notis peringatan kepada para pemohon PR1MA. Pihak PR1MA juga turut memuat naik notis peringatan melalui pelbagai medium seperti television, radio dan media sosial (*Facebook PR1MA*).

Sekian. Terima kasih.